



SIAPA?

Noor Arfa



Noor Arfa
EST. 1980

02



SIAPA?

Noor Arfa



Noor Arfa[®]
EST. 1980



PUSTAKA PERDANA



1013991

Wan Mohd Ariffin Wan Long SMT, PJK
Noor Hijerah Hanafiah



Hak Cipta © Noor Arfa Holdings Sdn Bhd
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa cara sekalipun sama ada elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman atau sistem penyimpanan atau pengambilan maklumat apapun tanpa izin bertulis daripada Noor Arfa Holdings Sdn Bhd terlebih dahulu.

Penerbit berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbitkan ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti daripada segi subjek yang dibincangkan. Segala isi kandungan, fakta dan ideologi yang dipersembahkan dalam buku ini adalah merupakan pandangan dan idea pihak penulis sendiri dan penulis bertanggungjawab ke atasnya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Wan Mohd Ariffin Wan Long SMT, PJK
Noor Hijerah Hanafiah
SIAPA NOOR ARFA?

ISBN: 978-629-98003-5-4

1. Buku Kisah Hidup 2. Karya Kreatif 3. Autobiografi

Penyelaras: Maryam Elyas (maryammodachi77@gmail.com)

Reka bentuk oleh: Iqmal Azri (iqmal.azri@gmail.com)

Reka kulit buku oleh: Nor Azwan Nazim (wankomo@bigger.my)

Diterbit dan dicetak oleh:

Modachi Sdn Bhd
23-B Jalan Plumbum P 7/P
Pusat Komersial Seksyen 7
40000 Shah Alam, SELANGOR
www.modachi.my
modachimy@gmail.com

Diterbitkan untuk:

Noor Arfa Holdings Sdn Bhd
Lot 4153
Kawasan Perindustrian Chendering
21080 Kuala Terengganu, TERENGGANU
Ibu Pejabat: +6 09-617 9700
Khidmat Pelanggan: +06 16-415 5700
www.noorarfa.com

PRAKATA	1
WAN MOHD ARIFFIN WAN LONG <small>SMT, PJK</small>	5
BAHAGIAN 1	7
Empat Dasawarsa Darah Pedagang Ilmu dan Pengalaman Isteri yang Tercinta	
BAHAGIAN 2	21
Kehidupan Awal dan Pendidikan Bermulanya Noor Arfa Batek	
BAHAGIAN 3	29
Pekerja Noor Arfa Kerja Berkumpulan Mendisiplinkan Pekerja	
BAHAGIAN 4	41
Cabaran Hutang Menangani Mogok Pekerja	
BAHAGIAN 5	47
Mindset Seorang Usahawan Gilang-Gemilang Melaka Batik House dalam Kenangan Batik Biasa VS Batik Premium Noor Arfa di Media	

BAHAGIAN 6

65

Strategi Korporat
Pemasangan Papan Iklan
Batik Sebagai Uniform Universiti
Pembukaan Cawangan Baharu
Menaja Produksi Drama
Mewujudkan Tapak Web E-dagang
Pertunjukan Fesyen di Luar Negara
Kerjasama dengan Pengusaha Batik di Indonesia
Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
Pengekalan Kestabilan Syarikat
Jemputan dan Persatuan
Noor Arfa Craft Complex (NACC) Batik Pavilion
Pembaharuan dan Pengurusan
Terpalit Gosip Angkara Drama

BAHAGIAN 7

93

Noor Arfa Selepas Pandemik
Seluruh Ahli Keluarga Dijangkiti Wabak
Jualan Menurun Secara Mendadak
Meneroka Dunia Online
Penyerahan Kuasa

NOOR HIJERAH HANAFIAH

101

BAHAGIAN 8

103

Matlamat
Membantu Syarikat Batik dan Kraf
Rakan Kongsi dan Strategik
Jenama Noor Arfa dalam Pelbagai Produk
Sokongan Pihak Kerajaan

BAHAGIAN 9 _____ **111**

Pencetus Batik Canting
Batik Terap dan Batik Canting
Perbezaan Batik Canting Malaysia dan Indonesia
Revolusi Batik di Noor Arfa
Batik Premium Noor Arfa

BAHAGIAN 10 _____ **129**

Kebimbangan Terhadap Industri Batik
Pendekatan Noor Arfa
Pasaran Luar Negara
Batik Canting Asli
Noor Arfa Selepas Pandemik
NACC Jadi Tempat Haiwan Bersarang

BAHAGIAN 11 _____ **143**

Impian
Tetap Teguh Walau Diuji
Banyakkan Promosi Batik
Pelapis Baru

BAHAGIAN 12 _____ **153**

Niat Berniaga
Jati Diri Sebagai Usahawan
Kebajikan Pekerja
Bersabar dan Rendahkan Ego
Sedekah dan Zakat
Beramal dan Kerohanian
Kembali Menyumbang Kepada Masyarakat
Pendorong Inovasi dan Kejayaan
Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
Puas hati dan Bersyukur

Galeri Gambar _____ **177**

PRAKATA

DI bawah naungan langit biru bumi Terengganu Darul Iman, Noor Arfa Batek berdiri megah, menganyam warisan indah seni batik Malaysia. Melihat bangunan Noor Arfa Craft Complex atau juga dikenali sebagai NACC Batik Pavilion tersergam indah di Chendering, Kuala Terengganu, hati saya sentiasa sebak dalam kepuasan.

Tidak mudah untuk sampai ke tahap ini. Penuh dengan liku-liku dan onak duri yang sebenarnya boleh membuat saya tunduk mengalah kepada keadaan. Namun, saya bersyukur dengan adanya wanita hebat di belakang saya iaitu Noor Hijerah Hanafiah. Dialah insan kesayangan yang paling tepat hadir dalam hidup saya untuk sama-sama menaikkan jenama Noor Arfa. Dia mesra dipanggil Kak Noor.

Di tangan Kak Noor, setiap helaian kain putih bagaikan kanvas yang melakar kisah alam dan kehidupan. Setiap lakarannya mempunyai cerita dengan sentuhan penuh keabadian cinta dan kehalusan seni lukisnya. Bagaikan pelangi yang bersinar selepas hujan, keindahan batik Noor Arfa menyelimuti segenap jiwa si pemakai, hasil lukisan isteri saya. Batik yang dihasilkan di Noor Arfa tidak berkompromi dengan kualiti fabriknya dan juga keindahan corak-coraknya.

Noor Arfa komited dengan keanggunan tradisi supaya tidak pudar ditelan zaman. Dalam setiap corak dan warna, tersemat semangat dan identiti Noor Arfa yang menjadikan Noor Arfa menyerlah bagaikan permata dalam khazanah warisan seni batik negara.





Tidak salah jika saya katakan Noor Arfa terkenal dengan batik berkualiti tinggi di Malaysia sejak tahun 1980. Sebagai pelopor dalam industri batik Melayu, Noor Arfa telah membina reputasi unggul dalam menyediakan batik lukis tangan yang terbaik. Noor Arfa adalah sebuah jenama yang bercita-cita tinggi, inovatif dan berwawasan dalam industri fesyen pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sebagai pengasas Noor Arfa Batek bersama-sama dengan Kak Noor, kami berazam untuk membawa warisan seni batik Melayu ke mata dunia. Atas sebab itulah kami berdua gigih mengangkat Noor Arfa menjadi peneraju utama industri batik di Malaysia. Kami keluarkan karya-karya yang memukau dan memulakan

batik lukis tangan yang menjadi pencetus balik lukis tangan atau juga disebut sebagai batik canting.

Noor Arfa bukanlah sekadar menghasilkan batik tetapi lebih daripada itu. Saya berusaha untuk mengangkat seni lukisan batik melalui inovasi dan kreativiti tanpa melupakan nilai tradisional batik itu sendiri. Boleh dikatakan bahawa gabungan motif klasik dan kontemporari menjadikan setiap produk keluaran Noor Arfa mempunyai ciri-ciri unik yang memikat.

Pada hari ini, pada usia saya 69 tahun, saya puas hati dengan pencapaian Noor Arfa. Saya dan Kak Noor telah menyerahkan kepada tiga orang anak kami untuk menerajui sebuah jenama besar di Malaysia iaitu Noor Arfa Holdings Sdn Bhd. Alhamdulillah perkahwinan saya dengan Kak Noor telah dianugerahi dengan tiga anak lelaki yang berkebolehan untuk menguruskan perniagaan. Mereka ialah Wan Mohd Azwan, Wan Mohd Hafiz dan Wan Mohd Affendi.

Dalam arus pemodenan yang pantas berubah-ubah, Noor Arfa terus berdiri teguh sebagai lambang keindahan seni warisan yang tetap mempunyai peminatnya yang tersendiri. Noor Arfa memberikan pilihan produk berasaskan batik terbaik untuk setiap golongan masyarakat.

Dengan semangat terus membara, Noor Arfa melangkah gagah mengukir masa depan yang gemilang untuk seni batik Melayu. Noor Arfa bukan sekadar jenama, sebaliknya sebuah legasi perniagaan yang terus mekar melalui setiap lukisan batiknya yang bercerita mengenai keindahan warisan batik Melayu.

Buku ini adalah hasil nukilan saya dan juga isteri tercinta, Kak Noor. Kami berdua menitipkan buku ini buat anak-anak saya iaitu Wan Mohd Azwan, Wan Mohd Hafiz dan Wan Mohd Affendi. Begitu juga buat menantu dan cucu-cucu. Kamu semua adalah kekuatan, kamu semua adalah sandaran dan kamu semua adalah kecintaan dalam apa yang dilakukan.

Tidak dilupakan, kepada seluruh karyawan di Noor Arfa sejak dahulu hingga kini. Segala perjuangan dan keringat yang dikeluarkan demi Noor Arfa, amat saya hargai.

Terima kasih,

Wan Mohd Ariffin Wan Long SMT, PJK
Pengasas Noor Arfa Batek



Siapa Noor Arfa?

Bermula dari sebuah rumah sewa kecil di Kampung Tanjung, Kuala Terengganu, Noor Arfa lahir daripada ketabahan dan kecekalan sepasang suami isteri, Wan Mohd Ariffin Wan Long SMT, PJK dan Noor Hijerah Hanafiah. Dengan modal yang amat terhad namun diperkasa semangat waja, mereka memahat nama seni batik Terengganu di persada antarabangsa.

Naskhah ini menyingkap keindahan cinta, kehalusan seni batik dan keberanian menakluki dunia perniagaan. Bermula dari ruang kecil sederhana hingga tertubuhnya kompleks megah NACC Batik Pavilion, perjalanan mereka sarat dengan makna tentang tekad dan pengorbanan suami isteri.

Meskipun dilanda badai, pasangan ikonik ini tetap teguh membina empayar selama lebih empat dekad. Kini, warisan mereka diteruskan dengan penuh dedikasi oleh generasi muda keluarga.

Sebuah karya yang sarat pengajaran dan inspirasi, wajib dibaca oleh generasi muda yang ingin memahami erti kegigihan usahawan sebenar.



Noor Arfa

EST. 1980

NOOR ARFA HOLDINGS SDN BHD

Lot 4153, Kawasan Perindustrian Chendering,
21080 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, Malaysia.

ISBN 978-629-98003-5-4



9 786299 800354

Edisi Khas